

PM: Myanmar patut contohi dasar Malaysia tarik FDI

UM 20 AUG 2002

YANGON 19 Ogos — Myanmar akan dapat menarik banyak pelaburan asing langsung (FDI) bagi memajukan ekonominya jika ia menerima pakai beberapa dasar berkaitan yang diamalkan oleh Malaysia, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad hari ini.

Berdasarkan pengalaman Malaysia, kata beliau, kemasukan FDI ke Myanmar akan membantu memakmurkannya, selagi ia menyediakan ruang yang bersesuaian untuk para pelabur terbabit.

Dr. Mahathir menegaskan bahawa membawa masuk FDI bukan setakat membolehkan mereka mencari keuntungan tetapi ia boleh menyumbang sama kepada pertumbuhan ekonomi dan kesejahteraan negara.

Beliau memberi contoh bagaimana Malaysia mencapai kejayaan dalam memajukan ekonominya apabila ia turut bergantung kepada FDI dalam pasaran ekuitinya.

"Kita bagaimanapun kenalah menyediakan negara untuk kema-

Dr. Mahathir menjelaskan perbincangan semalam menjurus kepada usaha meningkatkan kerjasama Malaysia-Myanmar dalam pelbagai bidang termasuk menggalakkan kerjasama dalam bidang perniagaan.

Dr. Mahathir yang dalam lawatan kerja dua hari ke Myanmar, seterusnya menjelaskan lawatan kali ini juga untuk mempertingkatkan kerjasama dalam bidang teknologi.

Katanya, beliau juga telah meninjau produk-produk Myanmar pada pameran yang diadakan sempena persidangan teknologi yang sedang berlangsung, dan mendapati banyak yang boleh dipasarkan di Malaysia.

"Juga kita melihat industri herba di Myanmar yang terkenal itu sama ada kita boleh mewujudkan usaha sama dalam bidang rawatan herba di Malaysia," jelas beliau lagi.

Malaysia merupakan negara pelabur keempat terbesar bagi Myanmar selepas Singapura, United

demokrasi, perkara yang dapat dilihat hanyalah peluang untuk dipilih menjadi kerajaan.

"Apabila 100 buah parti politik ditubuhkan, tiada yang mencapai kemenangan majoriti yang boleh membentuk kerajaan. Maka akan wujud kerajaan campuran yang sangat lemah, yang tidak akan menadbir negara dengan berkesan," jelasnya lagi.

Semasa merujuk kepada pertanyaan berhubung pekerja asing di Malaysia, Dr. Mahathir berkata, terdapat lebih pekerja asing di Malaysia.

Bagaimanapun, hasrat Malaysia untuk mengambil pekerja dari Myanmar adalah untuk memastikan wujud kepelbagaian warga di kalangan pekerja asing di Malaysia.

Tindakan

Beliau ditanya mengapakah terdapat 7,000 pekerja Myanmar yang belum dapat ke Malaysia walaupun mereka telah melepasi

sukan pelaburan sedemikian seperti soal perundangan, dasar dan amalan kita perlu boleh menjadi penarik kepada pelabur-pelabur asing," katanya pada sidang akhbar selepas menyampaikan ucapan dasar pada Persidangan Teknologi Myanmar-Malaysia di Hotel Sedona di sini.

Kata Dr. Mahathir: "Ia tidak hanya boleh untuk setakat berkata kita membuka (pasaran untuk pelabur asing) tetapi apakah undang-undang dan peraturannya yang ada... semuanya perlu diteliti seperti peraturan mengenai kewangan."

Proses

Dr. Mahathir ditanya oleh wartawan *Myanmar Times*, akhbar mingguan berbahasa Inggeris, mengenai pandangannya berhubung proses pendemokrasian di Burma dan dasar buka pintunya.

"Ini pengalaman Malaysia. Saya amat pasti Myanmar juga boleh menarik banyak pelabur asing dan akan memakmurkan negara ini, jika menerima pakai beberapa dasar yang diamalkan di Malaysia," jelas Dr. Mahathir yang juga Menteri Kewangan.

Semasa ditanya mengenai perbincangan di antara beliau dengan Pengerusi Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC) Myanmar, Jeneral Kanan Than Shwe di Bangunan Parlimen petang semalam, Dr. Mahathir berkata, mereka turut membincangkan pendekatan Malaysia dalam memajukan bidang politik dan ekonomi.

Ia selaras dengan perbincangan berhubung masa depan kedua-dua negara termasuklah bagaimana Myanmar boleh bergerak maju dalam proses pendemokrasiannya.

Kingdom dan Thailand dengan nilai pelaburan berjumlah RM2.26 bilion sehingga suku ketiga tahun ini. Ia kebanyakannya melibatkan industri minyak dan gas, perhotelan dan pelancongan serta pembangunan hartanah.

Eksport Malaysia ke Myanmar tahun lepas pula bernilai RM748.6 juta manakala import dari Myanmar pula RM297.1 juta.

Sementara itu semasa ditanya sama ada Malaysia berpuas hati dengan proses ke arah pendemokrasian di Myanmar yang diusahakan oleh Tan Sri Razali Ismail, Dr. Mahathir menjelaskan ia sebenarnya bukan usaha Malaysia tetapi kebetulan rakyat Malaysia dilantik oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) bagi mencari jalan ke arah perdamaian.

"Beliau bertindak secara bebas dan pastilah kita tidak akan membantah. Malahan kita mendoakan agar dia berjaya dalam misi tersebut," jelas Dr. Mahathir lagi.

Usaha Razali sejak kira-kira dua tahun dilantik oleh PBB bagi menjayakan misi tersebut telah pun membuahkan hasil apabila pemimpin prodemokrasi Myanmar, Aung San Suu Kyi dibebaskan daripada tahanan dalam rumah oleh junta tentera Myanmar pada 6 Ogos lepas.

Dr. Mahathir pada sidang akhbar itu turut ditanya mengenai sistem dan amalan demokrasi.

Katanya, ketika Malaysia percaya terhadap sistem demokrasi, amalan di Malaysia ialah ia perlu dilakukan secara berperingkat-peringkat dan dalam masa yang sama ia tidak boleh terus kepada demokrasi liberal kerana ia boleh mendatangkan keburukan.

Beliau memberi contoh di sesetengah negara yang menerima pakai

ujian kesihatan.

Dr. Mahathir menjelaskan pihak kerajaan tidak mengetahui perkara tersebut tetapi akan segera mengambil tindakan.

Pada tengah hari Perdana Menteri mengambil peluang menemui ahli-ahli Persatuan Rakyat Malaysia di Myanmar (MAM) di Hotel Micasa di sini.

Dr. Mahathir kemudian melawat Taman Teknologi Komunikasi dan Maklumat Myanmar (MICT) di sini dan ia disambut oleh Setiausaha 1, Majlis Keamanan dan Pembangunan Negara (SPDC) Myanmar, Leftenan Jeneral Khin Nyunt.

Sebelum berlepas pulang petang ini, Dr. Mahathir menyaksikan majlis penyerahan Projek Makmal Sekolah Bestari di bandar Kamayut serta melawat Hospital Perubatan Tradisional di sini.

Semasa melawat Hospital Perubatan Tradisional, Dr. Mahathir turut meninjau kaedah merawat pesakit di situ menggunakan kaedah dan perubatan tradisional berasaskan herba.

Selain mengandungi taman herba bagi tujuan pengajaran dan kegunaan pihak farmaseutikal, hospital itu turut menjalankan kajian klinikal bagi penyakit kronik seperti diabetes serta unit perubatan mobil untuk perkhidmatan luar bandar.

Lawatan kerja kali ini merupakan lawatan keempat Dr. Mahathir ke Myanmar, sebagai membalas lawatan rasmi Pengerusi SPDC, Jeneral Kanan Than Shwe yang juga Perdana Menteri Myanmar ke Malaysia September tahun lepas.